

→ OLIMPIK Rio 2016

Jun Hoong nafi dakwaan selesa



⇒ Beri alasan tersingkir awal 3m papan anjal disebabkan keletihan

■ Rio de Janeiro

Penerjun negara, Cheong Jun Hoong menepis andaian dia tersingkir di pusingan kelayakan 3 meter papan anjal individu semalam, disebabkan sudah puas hati dengan perak dimenangi selain terbayang ganjaran RM150,000 menantinya.

Sebaliknya, penerjun yang memenangi perak bersama ratu terjun, Pandelela Rinong itu memberi alasan keletihan menyebabkan dia gagal memperagakan terjunan terbaik di Pusat Akuatik Maria Lenk.

Sendiri terkejut

“Saya sendiri terkejut kerana tersingkir tetapi saya akui gagal mempragakan terjunan terbaik mungkin disebabkan kepenatan kerana sejak tiba di Rio, saya tidak berhenti berlatih dan terus bertanding dalam dua acara sebelum ini.

“Memang kecewa kerana saya mempunyai sasaran dalam acara ini, namun saya perlu terima dan akur,” katanya yang menduduki tangga ke-21 daripada 29 penerjun yang beraksi dengan mengumpul 282.25 mata da-

ripada lima terjunan.

Sebelum ini, penerjun berusia 26 tahun itu beraksi dalam acara 3 meter papan anjal seirama bersama Nur Dhabitah Sabri dan menduduki tempat kelima sebelum menebus kehampaan itu dengan memenangi perak bersama Pandelela dalam acara 10 meter platform seirama, Selasa lalu.

Bagaimanapun rakan sepasukan, Wendy Ng bernasib baik melepassi pusingan kelayakan itu mara ke separuh akhir selepas menduduki tempat ke-17 dengan mengumpul 299.05 mata.

Berdasarkan format pertandingan, hanya 18 penerjun terbaik pada pusingan kelayakan mara ke separuh akhir, dan daripada jumlah itu 12 penerjun terbaik pula layak bertanding di final, Isnin ini.

